

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NASIONAL

KKM pusat, negeri diminta kaji isu kurang kakitangan, beban kerja

Kuala Lumpur: Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad mengarahkan pengurusan Kementerian Kesihatan (KKM) pada peringkat pusat dan negeri untuk meneliti isu bebanan tugas di hospital.

Beliau turut mengarahkan penilaian semula tindakan yang dibuat membabitkan penempatan dan cara kerja Pegawai Perubatan Siswazah (PPS).

Menurut Dr Dzulkefly, negara pernah melalui fasa lambakan graduan perubatan yang mencecah 6,000 hingga 7,000 setahun.

"Kini jumlah graduan kurang 3,000 setahun menyebabkan jumlah PPS di hospital semakin berkurangan. Oleh itu, mereka rasa terbeban dengan bebanan kerja dan kekurangan anggota," katanya di X.

Dr Dzulkefly berkata, beliau bersama kepimpinan KKM sedang memerhati situasi ini dan sedar mengenai bebanan kerja petugas perubatan negara.

"Perubahan dan penambahbaikan lebih tuntas dan mampan akan ambil sedikit masa. Ia juga perlu pembabitkan pemegang taruh lain yang sedang dalam rundingan seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Dr Dzulkefly berkata demikian dalam respon kepada hantaran seorang PPS yang menggunakan

Saya bersama kepimpinan KKM sedang memerhati situasi ini dan sedar mengenai bebanan kerja petugas perubatan negara



Dr Dzulkefly Ahmad,
Menteri Kesihatan

nama Maryam Sophea di X yang bertanya sama ada KKM akan menambah PPS di hospital daerah.

"Kerja macam nak mati dah ni dengan baki-baki PPS yang ada dengan seorang demi seorang meletakkan jawatan, seminggu menjaga wad seorang lama-lama boleh dapat masalah mental," katanya.

Sementara itu, seorang lagi pengguna X, Anuar Aziz mencadangkan penilaian bebas mengenai keadaan sebenar boleh dipertimbangkan.

"Mereka yang tidak dapat apa-apa selain memberi gambaran yang betul sekarang dan apa yang perlu dilakukan seterusnya. Hanya pilih satu negeri sebagai projek perintis," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 28
RUANGAN : NEGERI

28 NEGERI

SINAR HARIAN • SABTU 27 APRIL 2024

TELLUS & TULLUS
Sinar
Harlan

SELANGOR/KL JOHOR KEDAH

TELLUS & TULLUS • TIDAK DICENGGAM OLEH TANGAN GHAIB • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

KPDN Johor belum terima perincian mengenai sardin mengandungi cacing parasit

Oleh SHAHRIZAL AHMAD ZAINI
JOHOR BAHRU

Cacing parasit dalam sardin



Laporan Sinar Harian pada Khamis berhubung rampasan Maqis membabitkan penemuan cacing parasit dalam sardin.

'Kami masih tunggu laporan'

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Johor masih menunggu laporan berhubung keberadaan dalam pasaran sardin yang dilaporkan mengandungi cacing parasit Anisakis sp susulan rampasan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di sini pada bulan awal bulan ini.

Pengarahnya, Lilis Saslinda Pornomo berkata, pihaknya masih menunggu maklumat sejauh mana produk buatan

China itu sudah memasuki pasaran tempatan.

"Kita sebenarnya tak tahu butiran dan perincian mengenai sardin ini. Jika ada jenama mungkin kita dah boleh buat sesuatu.

"Memandangkan sardin ini ditahan di Maqis kerana tidak ada permit. Jadi ia masih dalam bidang kuasa Maqis," katanya kepada Sinar Harian.

Terdahulu, penemuan cacing parasit dalam sardin itu dikenal pasti setelah Maqis menyita lori yang membawa

muatan produk berkenaan melalui pintu masuk negara di Bangunan Sultan Iskandar di sini pada awal April.

Tindakan sitaan itu dilakukan setelah pemeriksaan lanjut secara fizikal menemui kehadiran bendasing dalam tin produk buatan China itu.

Dalam pada itu, Lilis Saslinda Pornomo berkata, pihaknya sedia bekerjasama dengan Maqis dan KKM walau-



SASLINDA

pun hal berkaitan keselamatan makanan bukan berada di bawah bidang kuasa mereka.

"Bidang kuasa KPDN berkaitan harga, keberadaan barang dan sebagainya tapi jika ada perincian atau jenama mungkin kita boleh buat sesuatu.

"Bagaimanapun, jika ada keperluan KPDN akan turut sama dalam Ops Bersepadu dan kita akan tunggu kerana tiada halangan untuk kita berikan kerjasama jika diperlukan," katanya.



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 22
RUANGAN : SERI. PSIKOLOGI



**CATATAN
SERI**
NOR AFZAN
MOHAMAD YUSOF

Obesiti penduduk makin kronik

BARU-BARU ini Bandar Milan dilaporkan akan memperkenalkan undang-undang baharu melarang pembelian ais krim selepas waktu tengah malam dalam usaha mengekang orang ramai berkumpul dan membuat bising di kawasan jalan di bandar itu, sekaligus menjaga ketenteraman penduduk.

Undang-undang meliputi 12 daerah itu turut melarang pembelian piza dan minuman selepas waktu tengah malam.

Menariknya penduduk mempunyai masa sehingga bulan depan bagi membuat rayuan dan mencadangkan perubahan terhadap undang-undang itu.

Bila membabitkan soal pemakanan ini saya teringat mengenai masalah obesiti yang masih membaluti negara kita.

Negara Syurga makanan ini, kekal gelaran juara obesiti di rantau ini dengan satu daripada dua penduduknya berisiko obesiti.

Tak lawak bila rakyat kita dikaitkan suka makan dengan gaya pemakanan yang tidak sihat, 'dilengkapi' pula dengan gaya hidup kita yang tidak aktif sebagai punca kejuaraan itu.

Saya bersetuju dengan cadangan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) yang menggesa larangan kedai makan daripada beroperasi 24 jam bagi membantu mengurangkan masalah kesihatan dan obesiti di negara ini.

Presidennya Mohideen Abdul Kader turut menggesa lesen operasi 24 jam diberikan kepada kedai makan dimansuhkan kerana kajian menunjukkan ada kesan negatif akibat tabiat makan lewat malam seperti berat badan bertambah, gangguan tidur dan masalah penghadaman.

Sebenarnya, apa keperluan untuk makan hingga ke tengah malam? Saya pernah menemubual seorang kaunselor mengenai obesiti. Katanya, kelompok yang suka makan malam dan berpeleseran malam hingga ke tengah malam ini, akan mencipta kelompok yang tidak boleh tidur malam juga menyebabkan mencari lokasi-lokasi yang beroperasi ini melepak.

Bila tidur lambat, bangun pagi pun lambat. Kalau kita ada 1,000 orang bersikap begini bagaimana dengan produktiviti negara. Malangnya ia turut merebak dalam kalangan budak sekolah yang seharusnya tidak boleh ada tabiat makan tengah malam.

Saya suka bila Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad menyatakan yang tuduhan kedai makan 24 punca obesiti perlu dibuktikan secara empirikal sebab sekurang-kurangnya isu ini diberikan perhatian.

Akses terhad kepada makan lewat malam akan menjadikan rakyat Malaysia lebih sihat sebenarnya.

Lebih-lebih lagi penyelidikan menunjukkan individu yang makan lewat malam melebihi 40 peratus daripada keperluan tenaga harian mereka, menimbulkan faktor risiko ketara bagi obesiti. Fakta ini tidak cukup menakutkan ke?

Biarpun ada yang menolak cadangan CAP itu, tetapi kuasa pengguna jauh lebih besar.

Kerajaan perlu dengar cadangan rakyat yang sama-sama turut memerah otak memikirkan apa lagi usaha boleh kita ambil dalam bersama-sama membantu mengawal obesiti dalam kalangan penduduknya.

Nor Afzan Mohamad Yusof, Pengarang Rencana, Utusan Malaysia

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEWS / NATION

LONG-STANDING ISSUE

Health minister orders study on heavy workload at hospitals

KUALA LUMPUR: Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad has directed ministry officials at the federal and state levels to study complaints regarding heavy workloads at public hospitals.

He said he had also instructed a re-evaluation on the deployment of graduate medical officers.

"The country, at one time, had about 6,000 to 7,000 medical graduates per year. Now, the number has dropped to about 3,000 per year, resulting in a decrease in the number of graduate medical officers.

"Hence, they are now overwhelmed with heavy workload and a shortage of manpower," he said on X.

Dr Dzulkefly said he and the ministry's top leadership were monitoring the situation closely, and they were also aware of the challenges faced by the country's healthcare workers.

He was responding to a post on X by user Maryam Sophea, who asked him if the ministry would increase the number of graduate medical officers in district hospitals.

"We're working (ourselves) to death, with graduate medical officers resigning one by one. Handling the ward for one week (straight) can cause mental health problems."

Another X user, Anuar Aziz, suggested an independent evaluation of the actual situation.

Netizen Suraya Aziz, meanwhile, said medical officers were a crucial group in the community and their welfare should be safeguarded.

"The government should extend all the support to ensure medical officers' welfare is always protected so that they can carry out their duties effectively.

"They are the pulse of the country's healthcare," she said.

Overwhelming workload at public hospitals had been a long-standing issue in the country, with low pay rates compounding the matter.

Government doctors are reportedly paid RM9 per hour for overtime work on weekends.

Their on-call rates are RM200 for more than 15 consecutive hours of work on working days and RM220 on weekends and public holidays.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NATION

Swift medical aid just a QR code away for haj pilgrims

KUALA LUMPUR: This year's haj pilgrims will be equipped with the International Patient Summary (IPS) through the MySejahtera app which can facilitate treatment if any incident occurs during the pilgrimage, says Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

He said the IPS, which is a digital transformation initiative of the Health Ministry, allows medical practitioners in the Holy Land in Saudi Arabia to access critical basic medical information of pilgrims by simply scanning a QR code.

"Through the IPS, all information including the health and

medical history and allergies of the pilgrims can be accessed by the Saudi government, enabling immediate treatment to be provided by the attending physician to those in need."

Dr Dzulkefly said this during a meet-and-greet event involving the top management and Health Ministry (medical) haj delegation for the 1445H/2024 haj season in Putrajaya on Thursday.

A total of 279 Health Ministry (medical) haj delegation and three welfare officers will be involved in this year's haj operation from April 30, and Dr Dzulkefly reminded them to serve with full dedication to

ensure that all Malaysian pilgrims can complete their pilgrimage well.

Meanwhile, Tabung Haji (TH) group managing director and chief executive officer Syed Hamadah Syed Othman said the delegation consisting of various disciplines such as general medicine, family medicine, emergency and trauma medicine, is a vital team in the haj operation every year.

"Managing the health of pilgrims is not an easy task, coupled with the age profile of the pilgrims, in which almost 36% are over 60 years old.

"However, the ministry's

medical staff have shown a very high commitment in providing the best service every year," he said.

Syed Hamadah said TH management is also satisfied with the high quality of the ministry's services with cooperation at all levels starting from planning and preparation in Malaysia right to performing the haj in the Holy Land.

He said a survey carried out by TH to measure the level of pilgrims' satisfaction with various aspects of haj services provided last year also found that pilgrims were very satisfied with the health services.